

MAHATHIR-REAKSI

(1)

1983

KUALA LUMPUR, 20 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR.MAHATHIR MOHAMAD BERKAT AHARI INI BELIAU AKAN MENERANGKAN KEPADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI SIDANGNYA ESOK MENGAPA DALAM UCAPAN DASARNYA SEMALAM BELIAU BERTERIMA KASIH KEPADA PARA PERWAKILAN PERHIMPUNAN 1981 KERANA MEMILIH DATUK MUSA HITAM SEBAGAI TIMBALANNYA.

UCAPAN ITU YANG DISIFATKAN OLEH PARA PERWAKILAN PERHIMPUNAN SEKARANG SEBAGAI TERANG-TERANG MENUNJUKKAN SOKONGAN BELIAU KEPADA DATUK MUSA, TELAH MENCETUSKAN KRITIKAN SEMASA PERBAHASAN.

SAMBIL MENGALU-ALUKAN KRITIKAN TERSEBUT, DATUK SERI DR.MAHATHIR BERKATA +SAMA ADA SAYA DAPAT MEMPERTAHANKAN UCAPAN SAYA SEMALAM,

I FUDDMAKA PERLULAH SAYA

MENYEDARI YANG SAYA TERSALAH DAN MEMBETULKANNYA. SEKIRANYA SAYA BETUL, KAMA SAYA AKAN CUBA MEMPENGARUHI PARA WAKIL YANG SAYA BETUL+.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA SEMASA WAKTU RIHAT PERHIMPUNAN AGUNG DI HOTEL HILTON DI SINI.

--LAGI 1542/AN

ZCZC B583

MAHATHIR-REAKSI 2 KUALA LUMPUR

DITANYA MENGENAI KRITIKAN TERHADAPNYA, BELIAU BERKATA +SAYA SEDANG MENDENGAR PENDAPAT DAN INTERPRESI YANG DIBUAT OLEH PARA WAKIL... SAMA ADA SAYA DAPAT MENERIMANYA ATAU TIDAK, SAYA AKAN TERANGKAN ESOK+.

PERDANA MENTERI, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, MENEGASKAN TUJUAN UTAMA PERHIMPUNAN AGUNG PARTI IALAH UNTUK MENGADAKAN DIALOG ANTARA PARA PEMIMPIN DAN WAKIL-WAKIL.

+SEKIRANYA UCAPAN SAYA DITERIMA BULAT-BULAT, ITU BUKANLAH SATU DIALOG+, KATA BELIAU.

KATANYA DI PERHIMPUNAN-PERHIMPUNAN SEBELUM INI PARA WAKIL DIBERI PELUANG JUGA UNTUK MEMBIDAS PARA PEMIMPIN KERANA +PUCUK PIMPINAN BUKANLAH PENGARAH RAKYAT, TETAPI PEMIMPIN YANG DIPILIH OLEH RAKYAT+.

+DENGAN DEMIKIAN, SETIAP ORANG BEBAS MEMPERKATAKAN APA-APA TERHADAP SAYA ATAU PUN PUCUK PIMPINAN ... BAGI SAYA INI TIDAK APA-APA+, KATA DATUK SERI DR.MAHATHIR.

--LAGI 1547/AN

ZCZC B584

MAHATHIR-REAKSI 3 KUALA LUMPUR

KATANYA TANPA DIALOG, PUCUK PIMPINAN MUNGKIN TERSESAT DAN +APABILA KITA MENOLEH KE BELAKANG, KITA MENDAPATI TIDAK ADA SESIAPA YANG MENGIKUTI KITA+.

BELIAU BERKATA PERHUBUNGAN ADALAH PERLU DAN OLEH KERANA PUCUK PIMPINAN TIDAK DAPAT PERGI KE SETIAP BAHAGIAN DAN CAWANGAN, MAKA PERHIMPUNAN AGUNG MERUPAKAN PLATFORM YANG TERBAIK BAGI PARA PEMIMPIN DAN ANGGOTA MENDENGAR PANDANGAN SATU SAMA LAIN.

DITANYA SAMA ADA KECAMAN BELIAU KE ATAS +LEFTENAN-LEFTENAN+ YANG BERKEMPEN BAGI PIHAK CALON MEREKA AKAN MEMBAWA KEPADA SATU KESAN NEGATIF, DATUK SERI DR.MAHATHIR BERKATA:

+INI TIDAK MENJADI MASALAH. SAYA PERNAH MEMANGGIL ORANG DAN MEMARAHI MEREKA TETAPI SAYA MASIH BOLEH TERUS BEKERJA DENGAN MEREKA.

+TIDAK ADA SESUATU YANG KAMI LAKUKAN YANG TIDAK PENTING BAGI PARA ANGGOTA. SEKIRANYA IA TIDAK PENTING, SAYA TIDAK AKAN MEMBUANG MASA MELAKKUKANNYA+.

MAHATHIR-REAKSI 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR.MAHATHIR BAGAIMANAPUN KESAL ISTILAH +LEFTENAN+ YANG DIGUNAKANNYA TELAH DISALAH TAFSIRKAN OLEH BEBERAPA ORANG WAKIL YANG MEMIKIRKANNYA DARI SEGI TENTERA.

+LEFTENAN ADALAH ISTILAH PERANCIS... IA BERERTI SESEORANG YANG MEMBANTU DAN MENGGANTIKAN SESEORANG. SAYA TIDAK MERUJUK KEPADA SESIAPA SECARA KHUSUS+, KATA BELIAU.

+SEPERTI JUGA KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA DAN DASAR PANDANG KE TIMUR YANG DISALAH TAFSIRKAN. TIDAK ADA SESIAPAPUN YANG BOLEH MENYIMPULKAN SESUATU IDEA DALAM SATU PERKATAAN DAN SEKIRANYA IA DILAKUKAN, MAKA TIMBULLAH BERBAGAI-BAGAI TAFSIRAN+.

DITANYA TENTANG KEMUNGKINAN KENYATANNYA MELANTUN DENGAN PARA ANGGOTA MENURUNKAN LEBIH RAMAI CALON BAGI PEMILIHAN PARTI TAHUN DEPAN, DATUK SERI DR.MAHATHIR MENJAWAB DENGAN BERKATA BAHAWA UMNO ADALAH SEBUAH PARTI YANG WARAS.

BELIAU PERCAYA KEPENTINGAN PARTI DAN KESELURUHAN PARA ANGGOTA AKAN TETAP MENDAHULUI LAIN-LAIN KEPENTINGAN.

--BERNAMA 1552/AN